

UMS, Universiti Hamburg kukuh kerjasama

UB 10.11.2012 B6

KOTAKINABALU: Ikatan kerjasama Malaysia dan Jerman terus diperkukuh melalui Memorandum Persefahaman (MoU) antara Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan University of Hamburg baru-baru ini.

Menurut Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah, skop persefahaman yang dimeterai itu tertumpu kepada pertukaran ahli akademik, penyelidik dan pelajar samaada di peringkat prasiswazah mahupun pasca siswazah.

Katanya, kerjasama dalam penyelidikan dan

perancangan persidangan peringkat antarabangsa turut menjadi agenda utama dalam menjayakan MoU yang telah ditandatangani di universiti terkemuka Jerman itu.

Pada majlis itu, UMS turut diwakili Pendaftar, Datuk Abdullah Hj Mohd Said manakala University of Hamburg diwakili oleh Dekan Fakulti Matematik, Informatik dan Sains Tabii, Prof Dr Henrich Graener dan Timbalan Dekan, Hal Ehwal Antarabangsa, Prof Dr Ingenuin Gasser.

Henrich dalam ucapannya berkata, UMS telah membuktikan kemampuan

sebelum ini dengan menyelia salah seorang pelajar dari University of Hamburg sehingga bergraduat dalam bidang perhutanan.

“Kita juga sedang memikirkan sistem pengajian baru antara pelajar universiti ini dengan UMS. Melalui sistem ini, pelajar University of Hamburg akan belajar selama tiga tahun di universiti ini dan setahun lagi akan disambung di UMS,” tambahnya.

Jalinan MoU itu merupakan lanjutan daripada memorandum sebelum ini yang telah ditandatangani pada tahun 2008.



PERTUKARAN dokumen MoU di antara Harun dan Henrich.